

# UniMAP Raih Tiga Emas USM OPEN TAEKWONDO (MTA/WTF) CHAMPIONSHIP 2010



Oleh : Mohd Hafeez Nordin

**22hb - 24hb Januari 2010**, Universiti Sains Malaysia. UniMAP berjaya meraih tiga pingat emas dalam USM OPEN TAEKWONDO (MTA/WTF) CHAMPIONSHIP 2010. Pingat emas diperolehi Chan Tian Tian, Norazrin Mohamad Rasid- dan Rurynee Roslan bagi acara "sparring" (wanita) masing-masing untuk kategori 46 kg, bawah 53kg, dan bawah 73 kg.

Manakala perak diperolehi pelajar antarabangsa Muntasir Yassin Hamid dalam acara "sparring" (lelaki) bagi kategori 87 kg ke atas dan Rurynee Roslan untuk acara "Pomsae" Wanita dan pingat

gangsa pula diraih melalui acara "sparring" dari kategori bawah 46 kg wanita, bawah 49kg wanita, bawah 69 kg wanita,bawah 68kg lelaki dan bawah 80kg lelaki.

Pada kejohanan ini UniMAP telah menghantar seramai 16 atlet yang dipilih yang terdiri dari tujuh atlet lelaki dan sembilan- wanita. Antara universiti yang turut mengambil bahagian ialah UKM A & B, UiTM Pahang, UniKL, UniKL Cawangan Kulim, UTAR, MMU, UPNM dan USM. Sementara itu, pihak pengurusan pasukan akan cuba mengandakan lagi latihan dalam acara pomsae secara individu, berpasangan serta berkumpulan untuk diperaktikkan sebagai persiapan untuk Sukan MASUM yang akan datang.

**SYABAS BUAT PASUKAN  
TEAKWONDO....CHAIYOK!  
CHAIYOK!**